

Malam Santapan
M U A F A K A T
MINANG

Politeknik Port Dickson
26.01.2014

MINANG
D I A S P O R A

SIMPOSIUM ANTARABANGSA 2014

SEJARAH . BUDAYA . TEKNOLOGI . SENIBINA



“
...Matlamat program simposium ini adalah untuk memberi kesedaran dan pengertian yang lebih mendalam tentang sejarah, budaya dan senibina di Negeri Sembilan setelah mendapati masyarakat semakin keliru tentang pengertian MINANG yang seringkali digunakan. Masyarakat Negeri Sembilan yang merupakan masyarakat MINANG yang telah terdiaspora ini telah mempunyai identiti mereka sendiri yang harus dibanggakan.... ”

Wadah DARI PENGARAH



“...banyak aktiviti di peringkat dalaman mahupun di luar telah disertai oleh segenap lapisan warga kerja PPD. Banyak kejayaan dan kecemerlangan telah diperolehi. Rasanya kita telah berjaya meningkatkan momentum dalam menjana kematangan dan pementapan organisasi melalui aktiviti yang begitu berfaedah bagi PPD...”

• Bismillahirrahmannirrahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

• **T**erlebih dahulu pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi dan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menerbitkan Buletin keluaran pertama tahun 2014 ini. Harapan saya agar wadah dan peristiwa yang dipaparkan dalam Buletin ini akan dapat mengeratkan silaturahmi dan hubungan muhibbah dengan semua pihak, demi kemajuan dan kecemerlangan akademik di PPD.

• Kini, kita telah pun berada di pertengahan tahun 2014 dalam menggalas tanggungjawab kepada pelajar dan juga masyarakat secara amnya. Sepanjang masa tersebut, banyak aktiviti di peringkat dalaman mahupun di luar telah disertai oleh segenap lapisan warga kerja PPD. Banyak kejayaan dan kecemerlangan telah diperolehi dilalui semasa penyertaan tersebut. Rasanya kita telah berjaya meningkatkan momentum dalam menjana kematangan dan pementapan organisasi melalui aktiviti yang begitu berfaedah bagi PPD.

Oleh yang demikian, saya sangat berharap semoga kesungguhan ini akan mempertingkatkan kegigihan dan bakti mulia untuk sentiasa menjana kecemerlangan politeknik ini ke mercu yang lebih gemilang. Saya sentiasa menaruh keyakinan bahawa barisan pensyarah dan staff di sini berkemampuan menaburkan bakti untuk memperkasakan lagi Politeknik Port Dickson di peringkat global.

Di samping itu, saya juga berharap semoga para pelajar dapat mempertingkatkan ketekunan dalam usaha menimba ilmu, terutama untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik dan sahsiah diri. Sesungguhnya, ilmu dan pengetahuan yang kita taburkan akan menjadi obor yang sangat berguna dalam hidup sepanjang zaman.

Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan fikiran dan tenaga dalam usaha membangunkan sahsiah dan pementapan organisasi di PPD.

Sekian wassalam.

Kharir
MEJ.(K) HAJI MOHD KHARIR BIN MOHD IBRAHIM, DNS
Pengarah
Politeknik Port Dickson

Sidang Pengarang

• Buletin POLITEKNIK PORT DICKSON berserta isi kandungannya adalah hak milik POLITEKNIK PORT DICKSON. Buletin ini tidak boleh dicetak semula, disalin, atau ditiru atau diterjemah untuk apa-apa tujuan, tanpa kebenaran bertulis daripada POLITEKNIK PORT DICKSON. Sebarang artikel, cadangan atau komen amat dialu-alukan. Sila alamatkan segala maklum balas kepada :
webmaster@polipd.edu.my

PENAUANG
MEJAR (K) TN. HJ. MOHD KHARIR BIN MOHD IBRAHIM, DNS

PENASIHAT
CHARIM BIN IBRAHIM
ISHAK BIN SARIP

Ketua Editor
IZAWATI @ SITI ZAWIYAH BT ISA

Penolong Ketua Editor
M.NAGARAJAN MARIMUTHU

Editor
ROHANA BT HASSAN BASRI
JUHANA BT SIMARANI
AZILAH BT ASRI

Rekabentuk Grafik
AZRIN BIN MOHAMMAD
MUHAMAD HAFIZZI BIN JAMIL

Jurufoto
MOHD SANI LAILI BIN MASLON

Edaran
UNIT PERPUSTAKAAN



PERTANDINGAN KREATIVITI & TEKNOLOGI INOVASI

12 - 14 Apr - Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson telah memenangi pingat perak dalam Pertandingan Kreativiti & Teknologi Inovasi (CITEC 2014) peringkat kebangsaan. CITEC 2014 ini telah berlangsung pada 12 April hingga 14 April 2014 di Dewan Besar ILP Kuala Lumpur. Sebanyak 188 penyertaan dalam berbagai kategori dan kementerian termasuk dari pihak industri luar. Pingat perak yang dimenangi bagi kategori Pensyarah ialah Projek Ruang Jualan - Berjenama Levi's. Idea ini telah dicetuskan oleh pensyarah JKA gabungan antara Kejuruteraan Awam dan Arkitek. Kumpulan projek ini dianggotai oleh Mohd Shafrizal Md Hassan (Ketua), Zainal Ab. Rahman, Muhammad Iskandar Abu Thohib, Mohd Hafiz Hussin dan Mohd Firhan Anuar. - *Nornawar Laili Nordin*



PINGAT PERAK UNTUK PRODUK TABLE TOP

24-25 Mac - iCompEx atau nama penuhnya *INNOVATION AND INVENTION COMPETITION THROUGH EXHIBITION* sebagai satu jenama penghasilan projek pelajar dan produk yang berkualiti bagi POLIMAS mula digerakkan pada awal tahun 2014. iCompEx'14 adalah program peringkat kebangsaan yang menyasarkan penyertaan dari pelbagai institusi berjaya menarik sebanyak lebih 500 penyertaan. Objektif penganjurannya adalah untuk mengenalpasti dan mengumpul idea baharu melalui projek dalam satu pertandingan yang turut melibatkan penyertaan pelbagai institusi. Unit Senibina, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson buat pertama kalinya telah menghantar 2 penyertaan dalam pertandingan ini. Produk bagi penyertaan pertama adalah *Table Top Sculpture - 'SUPUROKETTO'* dan kedua adalah *Table Top Sculpture - The Revolution of Pyramid (TROP)* dan kedua-dua produk telah memenangi pingat perak dalam pertandingan tersebut. - *Nornawar Laili Nordin*





LAWATAN KE TLDM LUMUT

28 Feb - 2 Mac - JKE telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak. Seramai 36 orang pelajar DEP6 dan 4 orang pensyarah JKE telah melawat kapal di samping mengetahui pengoperasian peralatan elektronik dan sistem radar. Dalam program ini juga, mereka turut menyumbangkan tenaga dengan menjalankan gotong royong membersihkan Kampung Dato Seri Kamaruddin Lumut, Perak



- Azilah binti Asri



TEAM BUILDING KKE BERSAMA TELEKOM MALAYSIA

7 - 8 Feb - Kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE) telah menjalankan program Team Building bersama pihak Telekom Malaysia Jalan Raja Chulan Kuala Lumpur. Program ini melibatkan seramai 35 orang pelajar KKE dan 5 orang penasihat kelab. Seramai 4 orang penceramah daripada Telekom iaitu Encik Hairul Aizad, Encik Zulhafiz, Encik Hazwan Nizam dan Encik Fazmir telah mengisi slot selama dua hari dengan pelbagai aktiviti dalam membina semangat kerjasama dan bergaul baik dalam organisasi. Di samping itu, para peserta juga turut didedahkan dengan ilmu berkenaan elektrik komunikasi masa kini. Program sebegini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan di samping meningkatkan kesedaran bahawa kepentingan setiap orang dalam satu-satu organisasi. Mereka turut diberi pendedahan untuk memahami bagaimana personaliti, gender dan budaya mempengaruhi pemikiran, emosi dan gaya pembelajaran

- Azilah binti Asri

SOLAR POWERED NUTRIENT FILM TECHNIQUE (NFT) DAPAT GANGSA

28 Feb- 2 Mac- Pasukan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) telah menyertai pameran dan pertandingan *National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEx) 2014* yang diadakan POLIMAS. Program ini telah menerima ratusan penyertaan dalam kategori terbuka melibatkan pelbagai institusi pengajian tinggi, sekolah, agensi kerajaan dan syarikat swasta seluruh Malaysia. Terdapat 2 kategori penyertaan iaitu kategori terbuka (berkonsepkan pertandingan dalam pameran) dan kategori pembentangan kertas penyelidikan inovasi pensyarah.

Pasukan JKE PoliPD terdiri daripada 2 orang pelajar iaitu Mohamad Faris Bin Sarkhawi (06BTK11F2006) dan Muhammad Nazri Bin Abd Latif (06BTK11F2014) bersama penyelia En. Mohamad Zamri Bin Muhamad telah menyertai kategori terbuka bagi Kelas IX: Alam Sekitar dan Tenaga Boleh Diperbaharui (Environmental and Energy Renewable) dengan projek *SOLAR POWERED NUTRIENT FILM TECHNIQUE (NFT)* dan telah memenangi pingat gangsa pada pertandingan tersebut. Syabas kepada mereka- Azilah binti Asri



RIG PPD – JUARA 5 KATEGORI ROBOTIK FIRA



Kemenangan besar milik kontingen PPD dalam pertandingan Robotik 7th FIRA 2014



Kemenangan kontingen PPD atas komitmen dan usaha berterusan dapat memonopoli kejuaraan Robotik FIRA 2014 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim

19-23 Mei - RIG PPD (Robotics Interest Group) dinobatkan juara keseluruhan Pertandingan Robotik 7th FIRA Malaysia Cup 2014 yang berlangsung selama 4 hari di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTS), Kulim, Kedah. Pertandingan kali ini disertai oleh 19 Politeknik Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis merupakan satu platform ke peringkat kebangsaan menerusi elemen pembangunan inovasi dan kreatif dalam bidang robotik. RIG PPD menghantar kontingen terbesar dalam kejohanan berkenaan memperolehi lima emas daripada enam kategori yang dipertandingkan iaitu HuroCup, RoboSot, MiroSot, SimuroSot, dan MyBot kecuali AndroSot. *-Norhadfiah Mohd Husni*

LAWATAN KE COCA-COLA BOTTLERS (M) SDN BHD

1 Apr – Satu lawatan industri ke Coca Cola Bottlers Sdn. Bhd telah dijalankan bagi memberi pendedahan kepada 28 pelajar JKM serta 5 pensyarah pengiring. Syarikat ini merupakan syarikat antarabangsa dalam penghasilan produk minuman. Selain itu, pendedahan terhadap teknologi terkini dan meneroka ruang-ruang kerjaya oleh pelajar juga menjadi agenda utama dalam lawatan ini. Ini kerana Coca Cola merupakan antara syarikat yang telah menandatangani usahasama kesefahaman (MOU) dengan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, PPD.



Pelbagai aktiviti yang dijalankan dalam lawatan ini. Antaranya adalah perlawanan persahabatan futsal dan bola tampar antara pelajar-pelajar dan pensyarah JKM, PPD dengan kakitangan Coca Cola. Aktiviti sebegini dapat memberi peluang dalam mengeratkan silaturrahim di antara Politeknik Port Dickson dengan pihak syarikat. *-Norhadfiah Mohd Husni*




SIMPOSIUM ANTARABANGSA MUAFAKAT ILMU MINANG: SEJARAH, BUDAYA SERTA TEKNOLOGI SENIBINA

26 – 27 Apr – Politeknik Port Dickson (PoliPD) telah berjaya menghimpunkan 2 rumpun bangsa dalam Simposium Muafakat Minang 2014. Simposium ini melibatkan pihak Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia, Perbadanan Muzium Negeri Sembilan, Pusat Kajian Warisan Negeri Sembilan (KAWANS), Politeknik Port Dickson dan Institut Sains dan Teknologi Nasional (ISTN), Jakarta dan Universitas Bung Hatta (UBH), Padang Indonesia.

Matlamat simposium ini adalah untuk memberi kesedaran dan pengertian yang lebih mendalam tentang sejarah, budaya dan senibina di Negeri Sembilan setelah mendapati masyarakat semakin keliru tentang pengertian MINANG yang seringkali digunakan. Masyarakat Negeri Sembilan yang merupakan masyarakat MINANG yang telah terdiaspora ini telah mempunyai identiti mereka sendiri yang harus dibanggakan.

Perasmian simposium ini telah disempurnakan oleh Y.B Tuan Haji Abu Samah Bin Mahat ANS, DNS, PMC selaku Adun Johol, Negeri Sembilan. Manakala penutup Majlis telah disempurnakan oleh Y. Bhg Dato' Ir. Prof. Dr. Zaini Ujang iaitu Ketua Setiausaha 2, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Seramai 11 orang 'key note & speakers' telah hadir bagi menjayakan program ini yang terdiri daripada pakar sejarah minang dan pakar sosiologi yang terkenal. Antara pembentang dan tajuk kertas kerja ialah; Ybng Prof Dato' Ghazali Dato' Yusoff : Minangkabau Dan Dunia Melayu, Ybng Dr. Mochtar Naim: Minangkabau Dan Dunia Melayu, Dato' Dr. Nordin Selat: Adat Perpatih: Misi Dan Visi, Prof. Taufiq Abdullah: Kegelisahan Historis Dalam Kemantapan Kultural: Minangkabau Dalam Rentangan Sejarah, Dato' Haji Ar. Hajeedar Bin Abdul Majid: Penerapan Identiti Senibina Negeri





Sembilan Dalam Arus Perkembangan Senibina Moden, Dr. Ir. Eko Alvares: Penerapan Identiti Senibina Minangkabau Dalam Arus Perkembangan Senibina Moden Di Sumatera Barat, Prof. Ir. Dr. Puti Reno Raudhah Taib: Kedudukan & Peranan Bundo Kandung (Perempuan) Dalam Adat Perpatih Di Sumatera Barat dan Dato Prof. Madya Dr. Rusli Saluddin: Konsep Dan Pengertian Adat Perpatih Di Negeri Sembilan.




Di samping itu, seramai 27 orang terdiri dari pembentang poster dan 300 orang peserta turut sama mengikuti seminar yang telah berlangsung selama dua hari ini.

Acara sampingan turut diadakan iaitu pameran Senibina oleh KALAM, UTM, KAWANS, ISTN dan UBH dan Jamuan Makan Malam Minang bagi 500 orang. Acara makan malam ini telah dihadiri oleh Y. Bhg Dato' Seri Utama Tan Sri Rais Yatim dan Isteri, YB Duta Besar Indonesia ke Malaysia, wakil-wakil dari pusat pengajian tinggi yang terlibat serta wakil dari Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau (LKAAM) dan Persatuan Ikatan Kebajikan Minang Malaysia (PIKMM).



Secara keseluruhannya SIMPOSIUM ANTARABANGSA MUFAKAT ILMU telah berjaya dianjurkan dan mencapai objektif yang disasarkan. Ia telah meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat berkaitan sejarah, budaya dan senibina masyarakat Minang yang telah lama ditinggalkan. Seterusnya, ia juga menawarkan medan perkongsian ilmu di antara sejarawan, ahli akademik, praktis, penyelidik dan orang awam untuk bertukar pandangan, pendapat dan pengalaman mengenai masyarakat MINANG di seluruh dunia. -Azizah Tukiman





SEMINAR R.A TALANG ENTERPRISE, SHELL STATION

7 Mac – Program Seminar Keusahawanan oleh R.A Talang Enterprise, Shell Station, Ayer Keroh, Melaka telah dijalankan oleh Unit Keusahawan JKM & Alumni PPD bagi memberi pendedahan kepada 186 pelajar jabatan kejuruteraan mekanikal (JKM) mengenai dunia keusahawanan sebenar melalui ceramah yang akan disampaikan oleh bekas pelajar JKM yang telah berjaya menjadi seorang usahawan. Seminar ini juga bertujuan supaya dapat memberi impak kepada pelajar agar dapat membuka mata, mencari peluang dan tidak bergantung semata-mata mengharapkan peluang bekerja makan gaji setelah tamat pengajian.



Disamping itu, ia juga dapat memupuk minat dan kecenderungan dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan motivasi dan potensi diri pelajar untuk menjadi seorang usahawan. *-Norhafidzah Mohd Husni*



SEMINAR TEKNOLOGI & SELENGGARAAN BEARING SKF

24 Feb – Satu seminar berkaitan Teknologi & Selenggara Bearing SKF telah diadakan di Politeknik Port Dickson. Seminar ini telah disampaikan oleh Application Engineering Specialist, Unit Training & Services SKF Malaysia Sdn. Bhd. iaitu En Zainul Rashid B. Shamsudin.

ia memberi pendedahan kepada pelajar dan pensyarah berkaitan jenis-jenis bearing yang dihasilkan dan pengetahuan berkaitan bearing itu dengan lebih mendalam. Di samping itu, mereka juga memberi pendedahan terhadap teknologi terkini yang diguna pakai oleh industri dalam penghasilan produk bearing tersebut. Para pelajar dan pensyarah juga diberi kesempatan untuk menggunakan peralatan canggih yang dibawa oleh penceramah dan merasainya sendiri dan mewujudkan minat kepada pelajar dalam menceburi bidang tersebut. *-Norhafidzah Husni*

LAWATAN KE SYARIKAT AGRO JERNEH & UTUSAN MALAYSIA



26 Feb - Pelajar Diploma Pemasaran Semester 6 Jabatan Perdagangan telah mengadakan satu lawatan sambil belajar ke Syarikat Agro Jerneh (*Moola Snacks Bars*) dan Utusan Melayu (Malaysia) Bhd. Lawatan ini bertujuan untuk mendapat pengetahuan berkenaan produk, teknologi dan 'costing'. Pengalaman dan pengetahuan ini bagi membantu pelajar menyiapkan tugas berkaitan kursus PM603 *Business Marketing* dan PM604 *Marketing Project*. *-Norariefah*



KOLABORASI PPD BERSAMA POLITEKNIK NEGERI MEDAN (Polimed)

6-7 Mei - PPD telah mengadakan lawatan balas akademik ke Politeknik Negeri Medan. Lawatan ini telah disertai oleh 10 orang pensyarah yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik, En. Charim Ibrahim dan 8 orang pelajar Diploma Pemasaran. Lawatan ini merupakan lawatan susulan kepada satu WRA yang telah ditandatangani pada Nov 2013. Lawatan balas ini bagi merealisasikan terma yang ada dalam WRA tersebut. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah pelajar DPR telah mengikuti P&P bersama pelajar Polimed, pembentangan produk keluaran Rembau Kristal, INZ Bio dan Tourism Negeri Sembilan. Di samping itu, semua peserta telah dibawa melawat sebuah rumah Panti Asuhan (Anak Yatim) dan kilang memproses Singkong (Ubi) di daerah Medan. Akhir kata, pihak PPD kini sedang menunggu lawatan balas daripada pihak Polimed untuk aktiviti lain yang lebih efektif dan informatif. - *Rohana Hassan Basri*



PROGRAM USAHASAMA DENGAN INZ BIO SDN BHD (INZ BIO)

20 Dis - INZ BIO Sdn Bhd telah menandatangani Nota Persefahaman Jaringan Kerjasama Industri dengan Jabatan Perdagangan PPD. Tujuan Nota Persefahaman Jaringan Kerjasama Industri ini adalah untuk menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson untuk menjayakan strategi/ aspek pemasaran projek 'Sunnah Cereal Bar'.

INZ Bio bersetuju untuk membekalkan sampel produk tersebut kepada para pelajar untuk tujuan membuat penyelidikan pemasaran disamping itu perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan ini akan ditanggung oleh INZ Bio. Manakala bagi pihak PoliPD pula, akan merangka, mencadang dan membentangkan strategi pemasaran yang sesuai bagi produk tersebut. PoliPD juga akan melaksanakan ujian pasaran terhadap sasaran pasaran terpilih untuk *Sunnah Cereal Bar Sufin* - *Norzana*





PROGRAM MOTIVASI MATEMATIK

21 Feb - Jabatan Matematik, Sains & Komputer (JMSK) telah berjaya meningkatkan minat pelajar untuk belajar bagi subjek matematik dan sains melalui program *Student Motivation And Engagement in Mathematics and Science Subject*. Seramai 300 pelajar telah menghadiri kursus tersebut. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, seramai 107 pelajar telah mendapat kenaikan markah Ujian 2 selepas mengikuti program motivasi ini. Jumlah peratusan pelajar yang mendapat kenaikan markah Ujian 2 berbanding Ujian 1 adalah sebanyak 45.53%.

-Noorazizah Ibrahim

BENGGKEL KALKULATOR BA103



26 Mac - Kemahiran menggunakan kalkulator dengan betul adalah penting semasa membuat pengiraan matematik. Maka satu bengkel Bengkel Kalkulator - BA103 telah diadakan khusus bagi pelajar Diploma Senibina Semester 1 dan mengulang modul. Hampir 65 pelajar terlibat dan mereka telah diberikan panduan serta latih tubi yang berkesan. Bengkel ini berjaya menghasilkan pelajar yang lebih memahami

kehendak soalan serta berkemahiran menggunakan kalkulator dengan kaedah yang betul dalam menjawab soalan matematik.

-Noorazizah Ibrahim

KURSUS KOMPUTER UNTUK KAKITANGAN JKR

15 Mei - Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) telah menganjurkan satu kursus TSP bertajuk kepada 30 kakitangan Jabatan Kerja Raya Port Dickson. Penganjuran kursus *Intermediate Microsoft Excel 2010* secara kolaborasi ini telah memberi faedah yang amat berkesan dan diharap dapat diteruskan kerana ianya memberi kesan yang amat positif dalam usaha untuk menjalinkan hubungan di peringkat luar jabatan dalam perkongsian ilmu dan pengetahuan.

Di samping itu juga, para pensyarah juga didedahkan dengan kebolehan dan keyakinan diri dalam menyampaikan dan membimbing kursus kepada agensi atau jabatan luar dari politeknik. -Noorazizah Ibrahim



PROMOSI POLIPD

22 Jan - Satu program promosi politeknik dan CSR telah dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Am (JPA) sempena Hari Karnival JPA baru baru ini. Program ini melibatkan seramai 40 orang pelajar sekolah dari 2 buah sekolah iaitu SMK Rantau dan SMK Samsuddin Nain. Ia bertujuan untuk melibatkan pelajar2 tersebut dalam aktiviti semasa Hari Karnival bagi memantapkan penguasaan bahasa Inggeris, meningkatkan daya keyakinan sendiri melalui aktiviti berkumpulan di samping mempromosikan program yang ditawarkan di politeknik PD. Pada sebelah petang, pelajar telah diberikan taklimat oleh pegawai pengambilan pelajar En Aidil Adziim Samsuddin mengenai kemasukkan ke politeknik serta lawatan ke bengkel2 kejuruteraan awam, elektrik dan automotif. Melalui sesi temubual dan soalselidik, para pelajar telah memberikan reaksi yang positif terhadap aktiviti yang disertai dan berkeinginan untuk melanjutkan pembelajaran di PoliPD. Turut bersama pada program ini ialah guru pengiring dari sekolah berkenaan. -Hamdan Sulaiman

HERBAL GARDEN FOR LIFE SKILLS



31 Mei -Gardening does not only provide opportunities for increasing scientific knowledge and understanding and improving literacy, numeracy and oracy, it also can improve one's confidence, resilience and self-esteem. Hence, General Studies Department (GSD) believes gardening in PoliPD is a necessity and for that Herbal Garden was launched in 2012 with some important aims; to show how gardening can teach students life skills, learn vital job skills such as presentation skills, communication and team work and fuel their entrepreneurial spirit and embrace a healthier lifestyle. Of course actions speak louder than words. So, GSD and PoliPD students have formed a committee member where about 40 students of AE 301 Communicative English 2 and 3 lecturers have worked together in sowing and planting new plants for the herbal garden. Besides that, they also donated plants such as basil plant, "misai kucing", "stevia", aloe vera, "limau purut" and others. The committee members are committed to taking several steps over the coming months such as using throw-away items in more innovative and creative ways, planting more herbaceous plants for various applications such as medicine, aromatherapy, and cosmetics, including ulam and spices, attending training and workshops and benchmarking successful herbal gardens. The Herbal Garden committee members hoped that this effort will receive undivided support from the management, PoliPD citizen and any interested parties. So get out there, get connected, serve your community by building a garden. Plant it, nurture it and watch it grow and earn it- Izawati Isa



PROGRAM BICARA ILMU BERSAMA HABIB ALI ZAENAL ABIDIN

3 Mac - Jabatan Pengajian Am Politeknik Port Dickson kerjasama Pejabat Agama Daerah Port Dickson telah menganjurkan Program Bicara bersama Habib Ali Zaenal Abidin telah berlangsung di Pusat Islam Politeknik Port Dickson. Program diserikan dengan persembahan khas Qasidah Ahabulhabib. Objektif utama program tersebut memberi kefahaman yang lebih jelas tentang islam sebagai satu cara hidup.

Penyertaan kali ini dihadiri oleh semua Jabatan Kerajaan Daerah Port Dickson, Pegawai dan Jawatankuasa Masjid dan Surau Daerah Port Dickson, Saudara Baru sekitar Daerah Port Dickson dan Pelajar Politeknik Port Dickson. -Yusnizam bin Yahaya



'THE ROYAL FAMILY' MENANG PGT 2014

26-28 Mei - Pasukan dari PoliPD 'The Royal Family' yang dianggotai oleh 8 pelajar telah memenangi tempat ke tiga dengan mengalahkan 12 pasukan lain termasuk 2 institusi dari Politeknik Negeri Jakarta, Indonesia (PNJ) dan juga Songkhla Vocational College, Thailand (SVC). Tiga acara telah dipertandingkan yang menguji daya kreativiti para pelajar dalam pementasan drama dan juga nyanyian secara berkumpulan. Di antara acara yang dipertandingkan adalah persembahan kreatif - 'How Do You Do?', 'Masquerade Drama' dan 'Open Mic Singing'. 'Polytechnic's Got Talent!' 2014 (PGT2014) merupakan satu landasan yang sangat baik dalam mengenengahkan bakat, menyerlahkan daya kreativiti serta memupuk semangat berpasukan dalam kalangan pelajar kita. Tahniah dan syabas kepada pasukan 'The Royal Family', sekaligus merangkul hadiah wang tunai RM1500.00. Semoga usaha dan komitmen ini akan terus memberikan kejayaan demi kejayaan kepada PPD dalam pementasan dan apa jua pertandingan kelak. -Siti Nur Ainaa Azman



KEJOHANAN SEPAK TAKRAW POLITEKNIK MALAYSIA

4 Mei - Satu kejohanan sepak takraw antara regu politeknik Malaysia 2014 yang telah berlangsung selama 4 hari di Dewan Jubli Perak, Politeknik Ungku Omar (PUO), Perak. Pasukan sepak takraw politeknik Port Dickson (POLIPD) telah berjaya merangkul naib johan setelah tewas pada perlawanan akhir kepada pasukan tuan rumah, PUO dengan mata 2-1. Pasukan POLIPD telah mengalahkan PSA, PKB, PTSB dan PMS dengan mata (2-0) pada semua perlawanan peringkat kumpulan, suku akhir dan separuh akhir. Pasukan telah dibimbing oleh En Mohd Fitri Basiran dan En Norhairi Zainal Abidin. Tahniah diucapkan atas kejayaan tersebut. *-Azharizal Santip*

POLIPD MENANG GRAND FINAL POLY CUP 2014



30 Apr-4 Mei -Kejohanan Bola Sepak Grand Final POLY CUP 2014 telah berlangsung di Akademi Bola Sepak Malaysia, Gambang, Pahang. Pasukan Bola Sepak Zon Selatan yang terdiri Politeknik Melaka, Politeknik Negeri Sembilan dan Politeknik Johor. Sebanyak 7 pemain bola sepak daripada Politeknik Port Dickson iaitu Kuan A/L Sri Balasubramaniam, Muhamad Rahimi Rozali, Mohd Faiq Mohd Shah, Mohd Irwan Hanari, Yuskhairi Yusoff, Tun Khairul Ummur Tun Muhamad Nadzri, Abdul Hasan Bin Yusoff telah membarisi kesebelasan utama pasukan zon selatan. Mereka telah merangkul NAIB JOHAN kejohanan tersebut *-Azharizal Santip*

POLIPD JOHAN BOLASEPAK

4-7 Mei - Politeknik Port Dickson (POLIPD) berjaya menjadi johan sempena Kejohanan Bola Sepak Jemputan Politeknik Port Dickson 2014 yang telah berlangsung di Padang Kelab Kilat, Padang Politeknik Port Dickson dan Padang Merdeka MPPD. Pasukan Bola Sepak Staf PoliPD telah berjaya merangkul JOHAN setelah menewaskan pasukan Politeknik Seberang Prai (PSP) pada perlawanan akhir dengan mata 2-1. Terdahulu dari itu, pasukan bola sepak staf PoliPD telah mengalahkan pasukan Politeknik Shah Alam, Politeknik Merlimau Melaka, dan seri dengan PSP di peringkat kumpulan. Peringkat separuh akhir menyaksikan PoliPD mengalahkan Politeknik Sultan Ahamad Shah dengan jaringan Penalti (3-1). Pasukan telah dibimbing oleh En Hasni bin Hassan, pensyarah Jabatan Pengajian Am. Tahniah diucapkan atas kejayaan staf dalam pertandingan tersebut. *-Azharizal Santip*

